# ABMS

MAJLIS DAERAH KERIAN

## MS ISO 37001 : 2016 SISTEM PENGURUSAN ANTI-RASUAH (ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS)

# POLISI KONFLIK KEPENTINGAN ( CONFLICT OF INTEREST)

Pemakaian Polisi Konflik Kepentingan, adalah diharapkan warga MDK dapat memahami tatacara dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab dengan lebih berhemah dan berdedikasi serta tidak menyalahguna kuasa yang ada bagi kepentingan peribadi. Pematuhan terhadap polisi ini akan meningkatkan tadbir urus terbaik *(good corporate governance)* MDK dan menutup ruang dan peluang rasuah.

Bagi memastikan kepentingan warga MDK terjamin, YDP, SU, Ahli-Ahli Majlis MDK, pegawai dan warga MDK wajib membuat pengisytiharan konflik kepentingan berhubung skop tugas/ arahan daripada mana-mana pihak berkepentingan.

Antara perkara yang boleh mewujudkan konflik kepentingan dalam tugas rasmi mereka di MDK seperti berikut:

| NO. | ISU | ISYTIHAR | T/JAWAB /CATATAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Ahli keluarga dan hubungan peribadi yang rapat -lantikan mereka berdasarkan kelayakan dan *due diligence*. Pegawai dan kakitangan yang mempunyai hubungan rapat tidak dibenarkan terlibat dalam proses temuduga / pemilihan / lantikan) | MDK/INT/01 Borang Pendistiharan Konflik Kepentingan - Rekod/Bukti | Polisi ini terpakai kepada :<br>a) Semua warga MDK, Yang Dipertua(YDP), Setiausaha(SU), termasuk Ahli Majlis MDK sepanjang tempoh perkhidmatannya;<br>b) Semua perunding, kontraktor, vendor dan pembekal yang sedang atau akan berurusan dengan MDK;<br>c) Pelanggan MDK;<br>d) Jabatan, Kementerian, Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang berkaitan. |
| 2. | Urusan/hubungan peribadi dengan kontraktor, vendor, pembekal dan pelanggan MDK | | |
| 3. | Pekerjaan luar dan aktiviti di luar MDK (warga kerja perlu mendapat kelulusan Unit Sumber Manusia dan Integriti) | | |
| 4. | Hubungan peribadi yang rapat (tiada layanan istimewa antara kakitangan dan penempatan tempat bertugas) | | |
| 5. | Pengisytiharan Ahli Jawatankuasa Mesyuarat MDK di Peringkat Badan Pentadbir dan semua mesyuarat (melibatkan keputusan & kelulusan) | | |

- Rujukan : Seksyen 3 Akta SPRM 2009
- Rujukan : Seksyen 34 Akta 171 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Seksyen 34 & Seksyen 34(1)